

07/09/1997

Ramai perwakilan gagal selami pandangan Presiden

HANYA segelintir perwakilan mampu mengemukakan hujah, pandangan dan idea yang bernas, tetapi kebanyakan yang lain gagal untuk menyelami pandangan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Hakikat ini diakui Setiausaha Agung Umno, Datuk Sabaruddin Chik, yang berkata hanya seorang dua perwakilan mengupas ucapan dasar Presiden Umno itu, dengan baik.

"Secara menyeluruh saya ingat satu, dua orang memang bagus, yang lain biasa," katanya ketika diminta pendapat mengenai perbahasan ucapan dasar dan usul selepas Perhimpunan Agung Umno memasuki hari kedua, semalam.

Bagaimanapun beliau menolak kemungkinan semua perwakilan terbabit kurang membuat persediaan.

(END)